

KHAIRY  
(kanan)  
merakam  
gambar  
kenangan  
dengan  
Veveonah  
semasa  
pertemuan  
itu. —

Gambar  
ibsan FB  
Khairy  
Jamaluddin



## Khairy bertemu Veveonah, mohon maaf bagi pihak kerajaan

KOTA KINABALU: Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Khairy Jamaluddin Abu Bakar, pada Jumaat berkesempatan mengadakan pertemuan bersama pelajar Veveonah Mosibin, yang tular pada Jun lepas kerana memanjat pokok untuk mendapatkan capaian internet di pedalaman Sabah.

Menerusi hantaran di Facebooknya, Khairy berkata dalam pertemuan di Universiti Malaysia Sabah itu, beliau mewakili kerajaan turut memohon maaf kepada Veveonah dan ibu bapanya, atas kesulitan yang dilaluinya baru-baru ini.

“Saya juga telah cadangkan untuk Veve berkerjasama dengan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), untuk membangunkan projek inovasi di kampung beliau dalam pemeliharaan alam sekitar,” katanya.

Pada 3 September lepas, jawapan Timbalan Menteri Komunikasi dan

Multimedia Datuk Zahidi Zainul Abidin, ketika menjawab soalan tambahan di Dewan Negara mengenai Veveonah yang terpaksa memanjat pokok untuk mendapatkan capaian internet, telah mencetuskan polemik.

Zahidi dilaporkan media sebagai berkata, hasil siasatan kementerian mendapati Veveonah sebenarnya tidak menduduki peperiksaan ketika video tular itu dirakam, namun Veveonah dalam laporan sebuah portal kemudiannya menafikan kenyataan Zahidi dan mendakwa dia memang mengambil peperiksaan, seperti dalam video itu.

Kelmarin, Zahidi memohon maaf di Dewan Negara, kerana menimbulkan kekeliruan berhubung masalah capaian internet yang dihadapi penuntut universiti itu. — Bernama